



SAHUT CABARAN...Kamal (tiga dari kanan) menyerahkan jersi kepada Rozmin yang mewakili pasukan Futsal Maksak Kelantan di JPS Kelantan di Lundang, Kota Bharu.

Kelantan sasar final Maksak

>>Oleh **Ismail Muhamad**
sukan@hmetro.com.my

PASUKAN Futsal Majlis Sukan Anggota Kerajaan (Maksak) Kelantan mensasarkan layak ke final Kejohanan Futsal Maksak Malaysia 2012 akan diadakan di Ipoh, Perak, dari Jumaat hingga Ahad ini.

Pengurus pasukan, Kamal Mustapha berkata, futsal Maksak Kelantan yang dibimbing bekas pemain bola sepak Kelantan era 90-an, Rozmin Musa optimis dengan sasaran itu berda-

sarkan latihan awal dan perlawanan persahabatan yang dijalankan lebih sebulan lalu.

Beliau yang juga Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri berkata, seramai 12 pemain dan lima pegawai pasukan menyertai kejohanan itu.

Katanya, pemain Maksak Kelantan diwakili kitangan JPS negeri, Jabatan Perhutanan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI), Universiti

Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Majlis Amanah Rakyat (Mara), Jabatan Kesihatan dan Bank Simpanan Nasional (BSN) negeri.

"Berdasarkan prestasi semasa termasuk pencapaian memuaskan dalam beberapa perlawanan persahabatan yang diadakan, kami optimis layak ke final," katanya selepas majlis penyerahan jersi pasukan di Kompleks JPS negeri di Lundang, Kota Bharu, semalam.

Sehubungan itu, Kamal mahu anak buahnya mempamerkan aksi terbaik pada kejohanan itu sekali gus merealisasikan sasaran ditetapkan.

Katanya, pemain juga perlu mencontohi semangat juang tinggi skuad The Red Warriors (TRW) yang berjaya melangkah ke final Piala Malaysia musim ini.

"Kejayaan Kelantan mara ke final Piala Malaysia wajar menjadi motivasi pemain Maksak Kelantan untuk mencapai kejayaan serupa," katanya.